

Penglibatan Penutur Natif Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Jepun di UiTM

The Involvement of Native Speakers in Teaching and Learning Japanese Language at UiTM

Choong Pow Yean¹, Sarinah Sharif² & Normah Ahmad³

^{1,2,3}Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Shah Alam, Malaysia
¹choon322@uitm.edu.my, ²sarinah@uitm.edu.my, ³normah698@uitm.edu.my

Article history:

Received: 24 March 2020

Accepted: 28 August 2020

Published: 1 September 2020

Abstrak

Program Nihongo Partner atau “Rakan Bahasa Jepun” merupakan program penghantaran penutur natif untuk membantu dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun di luar negara Jepun. Program ini ditaja sepenuhnya oleh pihak Japan Foundation dan dilaksanakan dengan tujuan mewujudkan suasana persekitaran yang dapat memberi motivasi kepada pelajar untuk mempelajari bahasa Jepun. Kajian ini berdasarkan soal selidik berkenaan program Nihongo Partner yang dilakukan ke atas pelajar bahasa Jepun di UiTM Shah Alam. Kajian ini dilakukan untuk melihat keperluan penglibatan penutur natif serta sejauh manakah penglibatan mereka membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hasil kajian mendapati bahawa pelajar amat memerlukan khidmat Nihongo Partner yang merupakan penutur natif dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun. Penglibatan penutur natif ini meningkatkan keyakinan dan motivasi pelajar untuk bertutur dalam bahasa Jepun serta memberi peluang kepada pelajar untuk meningkatkan dan menggilap pengetahuan mereka berkaitan bahasa Jepun. Selain itu, dengan adanya peluang berinteraksi dengan penutur natif dari Jepun, pelajar akan lebih memahami budaya negara dan masyarakat Jepun kerana berpeluang memerhati dan bertanya kepada penutur natif tersebut. Hasil penelitian ini, tidak dapat disangkal lagi bahawa penglibatan penutur natif sangat diperlukan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun di UiTM.

Kata Kunci: *Bahasa Jepun, Motivasi, Penutur Natif, Program Nihongo Partner*

Abstract

The Nihongo Partner Program or “Japanese Language Partner” is a program that sends native speakers to support the teaching and learning of Japanese overseas. The program is fully sponsored by The Japan Foundation. The aim of this program is to create an environment that motivates the students to learn Japanese. This study is based on a survey of the Nihongo Partner Program conducted on students at UiTM, Shah Alam. This study aims to investigate whether there is a need for native speakers to be involved in teaching and learning of Japanese among foreign language learners and to what extent their engagement would help in teaching and learning process. Analysis of the results showed that students are in dire need of the Nihongo Partner Program to navigate the learning of the Japanese language through a variety of language learning activities. The involvement of native speaker increases students’ confidence and motivation to converse in Japanese. The program also provides opportunities for students to increase their Japanese language proficiency and lexical density. In addition, with the opportunity to interact with the native speakers, students will have a better understanding of Japanese culture as they are able to observe and ask the native speakers. From the findings, it is irrefutable that involvement of native speakers is essential in teaching and learning of Japanese in UiTM.

Keywords: *Native speakers, Japanese language, Nihongo Partner Program, Motivation*

Pengenalan

Pengajian bahasa Jepun mula ditawarkan di UiTM pada tahun 1976. Selama kursus ini ditawarkan, didapati pelajar telah menunjukkan minat yang tinggi terhadap pembelajaran bahasa Jepun. Melalui pembelajaran bahasa Jepun di UiTM, pelajar dapat menguasai kemahiran asas terutamanya kemahiran bertutur bagi tujuan kerjaya pada masa hadapan. Pada masa kini, Akademi Pengajian Bahasa Universiti Teknologi MARA (UiTM) menawarkan kursus bahasa Jepun sebagai bahasa asing kepada lebih kurang 3000 pelajar pada setiap semester. Terdapat 12 orang pensyarah bahasa Jepun sepenuh masa di UiTM yang semuanya merupakan pengajar bukan penutur natif. Selain daripada waktu kuliah atau waktu menjalankan aktiviti yang dianjurkan oleh Kelab Bahasa Jepun (JLS), boleh dikatakan bahawa peluang pelajar untuk menggunakan bahasa Jepun sangat terhad. Pelajar juga jarang mempunyai peluang bertemu atau bergaul dengan penutur natif bahasa Jepun di luar waktu kuliah. Akhirnya, mereka tidak dapat menggunakan bahasa Jepun yang dipelajari walaupun ramai daripada mereka memperoleh markah yang tinggi dalam kemahiran membaca, mendengar, menulis dan bertutur.

Bagi mengatasi masalah ini, Unit Bahasa Jepun telah memikirkan beberapa cara yang dapat membantu pelajar supaya mereka berpeluang menggunakan bahasa yang telah dipelajari. Maka, Program *Nihongo Partner* (Program NP) telah dilaksanakan dengan kerjasama *Japan Foundation Kuala Lumpur* (JFKL) sejak tahun 2017. Program ini dilaksanakan bagi mewujudkan suasana persekitaran yang dapat memberi motivasi kepada pelajar untuk mempelajari bahasa Jepun. Melalui program ini, seramai dua orang penutur natif iaitu pelajar warganegara Jepun yang sedang mengikuti kursus Pengajian Bahasa Jepun di *J.F. Orbelin University* dan *Gakushuin University* telah dihantar ke UiTM sebagai pembantu pensyarah pada setiap tahun. Penutur natif tersebut melibatkan diri mereka dalam aktiviti yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun semasa waktu kuliah dan berinteraksi secara santai dengan pelajar di luar waktu kuliah. Melalui program ini, pelajar tidak perlu pergi ke Jepun untuk berkomunikasi dengan penutur natif kerana mereka sendiri yang berkunjung ke UiTM. Selain daripada peluang berkomunikasi, pelajar juga dapat mengenali budaya Jepun dengan lebih mendalam melalui interaksi secara langsung. Faktor usia yang hampir sebaya (20-22 tahun) dan minat mereka yang lebih kurang sama menjadikan pelajar lebih selesa dan gembira apabila berinteraksi dengan penutur natif ini. Mereka sering berkongsi cerita yang menjadi kegilaan anak muda masa kini seperti muzik, permainan video, animasi dan sebagainya. Keadaan ini juga menyebabkan pelajar lebih berani dan ingin mencuba bertutur dalam bahasa Jepun dengan mereka.

Program *Nihongo Partner* (NP) yang pertama telah bermula pada 22 Februari sehingga 30 Mac 2017 dan diikuti sesi kedua pada 20 Februari sehingga 29 Mac 2018. Unit Bahasa Jepun telah mengatur jadual untuk NP bergaul dan berinteraksi dengan pelajar seberapa kerap yang mungkin. Antara aktiviti yang telah dil-

aksanakan ialah pensyarah dan NP (penutur natif dari Jepun) bekerjasama menjalankan aktiviti dalam kelas, membantu pensyarah mengajar bahasa Jepun, berbual dengan pelajar dalam bahasa Jepun dan lain-lain lagi aktiviti yang dapat menceriakan suasana pembelajaran. NP juga melibatkan diri dalam acara Festival Mini Jepun, menyertai Program Inap Desa dan mengadakan lawatan dengan pelajar terutamanya pelajar daripada Persatuan Bahasa Jepun (JLS). Pelajar digalakkan mengambil peluang sepenuhnya untuk berbual dengan NP. Maka, selepas waktu belajar, pelajar mengambil peluang keluar bersama NP untuk makan atau bersiar-siar.

Pada minggu terakhir program, *Mini Japanese Festival* dan majlis penutup telah diadakan. NP dan pelajar-pelajar Persatuan Bahasa Jepun (JLS) UiTM telah bersama-sama menjayakan majlis tersebut. Aktiviti ini bertujuan untuk memberi pengalaman dan peluang kepada pelajar UiTM untuk bergaul dan mengenali budaya Jepun. Melalui aktiviti tersebut, penutur natif terbabit telah berkongsi budaya mereka dengan pelajar UiTM. Kebudayaan Jepun seperti upacara minum teh (*tea ceremony*), kaligrafi, origami dan permainan tradisional Jepun telah diperkenalkan. Selain itu, kedua-dua NP tersebut juga menunjukkan cara memasak makanan Jepun, iaitu *sushi*, *Nihon kare* dan *takoyaki*. Pelajar-pelajar UiTM juga diberi pengalaman memakai pakaian tradisional Jepun iaitu *yukata*.

Kajian Literatur

Menurut *Oxford Advanced Learner's Dictionary*, penutur natif (*native speaker*) ialah “*a person who speaks a language as their first language and has not learned it as a foreign language*”. Davies (1991) menyatakan penjelasan paling awal mengenai penutur natif adalah seperti yang dikatakan oleh Bloomfield (1933) iaitu “*The first language a human being learns to speak in his native language; he is a native speaker of this language*” (m.s 43). Dalam kajian ini, penutur natif bahasa Jepun ialah penutur yang terdiri daripada rakyat Jepun yang telah mula bertutur dalam bahasa Jepun sejak kecil.

Dalam mempelajari sesuatu bahasa asing, secara umumnya diandaikan bahawa guru penutur natif sesuatu bahasa yang dipelajari itu adalah lebih bermanfaat (*beneficial*) dalam pembelajaran bahasa asing berbanding dengan guru bukan penutur natif (Brady&Hongyu, 2011). Seorang guru penutur natif bahasa Jepun memiliki banyak kelebihan seperti yang diketahui umum. Antaranya, penutur natif bertutur dalam bahasa Jepun dengan sangat baik dan kurang melakukan kesalahan tatabahasa. Mereka juga mempunyai pengetahuan mengenai perkataan-perkataan yang kurang difahami oleh penutur bukan natif (*obscure words*). Sebutan perkataan oleh penutur natif adalah lebih sempurna dan pelajar dapat meniru cara sebutan yang betul. Penutur natif juga kurang melakukan kesilapan berbahasa memandangkan mereka sentiasa menggunakan bahasa

tersebut dalam kehidupan seharian serta mempunyai pengetahuan yang baik mengenai tulisan *kanji* yang agak sukar untuk dikuasai oleh penutur bukan natif. Pelajar juga dapat berlatih berbual secara semula jadi dengan guru-guru penutur natif ini.

Walau bagaimanapun, disebabkan faktor kos dan sebagainya, adalah tidak mudah untuk mendapatkan guru dalam kalangan penutur natif. Atas faktor yang sama juga, di UiTM, semua pensyarah bahasa Jepun terdiri daripada rakyat Malaysia yang merupakan bukan penutur natif bahasa Jepun. Kebanyakan pelajar di UiTM belum pernah menjejakkan kaki ke negara Jepun dan mereka juga rata-rata tidak mempunyai banyak peluang untuk ke sana yang merupakan negara bahasa sasaran. Oleh hal yang demikian, amat perlu untuk pensyarah mengambil inisiatif bagi menggalakkan dan mewujudkan keadaan yang mana pelajar berpeluang untuk bertemu dengan penutur natif bahasa Jepun. Ini bagi membolehkan mereka merasai sendiri bagaimana perasaannya bertemu dan bertutur dengan penutur natif dalam bahasa Jepun yang telah sekian lama mereka pelajari.

Menurut Rivers (1987), interaksi silang budaya penting dalam penggunaan bahasa didunia sebenar. Menurutnya, *“Cross cultural interaction is important in language use in the real world. Students share their values and viewpoints, ways of acting and reacting, and their speech styles. They recognize the stereotypes they hold of speakers of the target language and of each other’s culture. This learning experience can be in a direct exchange of opinions or through initiation into the activities of another culture”* (m.s. 12). Rivers turut memetik kata-kata Richards, J.C. (1985) yang menyatakan bahawa aktiviti dan projek yang terpandu (*guided*) akhirnya akan membantu pelajar berjaya apabila terlibat dalam pertemuan silang budaya serta memberi keyakinan kepada pelajar dalam interaksi silang budaya pada masa hadapan.

Terdapat juga usaha menggantikan interaksi secara bersemuka dengan penutur natif dengan kaedah bersembang (*chatting*) dalam *Computer Mediated Communication (CMC)*. Antaranya kajian oleh Tudini (2003). Salah satu objektif kajian beliau ialah untuk melihat sama ada ruang sembang (*chat room*) untuk penutur asli memberikan kesan persekitaran yang optimum dalam pembelajaran bahasa asing. Manakala Chun (1994) pula mengkaji penghasilan bahasa oleh pelajar bahasa Jerman yang mengadakan sesi bersembang selama 15-20 minit bagi tempoh dua semester mendapati kaedah bersembang dalam kelas yang dibantu oleh penggunaan komputer membantu meningkatkan keupayaan berinteraksi pelajar.

Nishimura dan Umeda (2016) telah melakukan kajian terhadap aktiviti bersama pelawat *“Visitors Session”* ke atas pelajar bahasa Jepun di Universiti Waikato, New Zealand. *Visitors Session* merupakan satu aktiviti

yang mana penutur natif bahasa Jepun mengadakan lawatan ke kelas dan melakukan aktiviti bersama dengan pelajar. Tujuan program ini adalah untuk membolehkan pelajar bertutur dengan cara yang betul bersama penutur natif. Pelajar melakukan aktiviti pembelajaran secara bersama dengan menggunakan bahasa yang tinggi serta memerlukan keupayaan budaya dan sosial. Mereka melihat isu dan faedah yang diperoleh hasil daripada aktiviti tersebut dan mendapati pelajar merasa seronok kerana berpeluang berkomunikasi dengan penutur natif. Pelawat itu juga mendapat manfaat daripada program ini kerana mereka juga dapat berlatih bertutur dalam bahasa Inggeris.

Hovinga (1998) telah melakukan kajian ke atas program “*Cultural Partnership*” di Iowa, Amerika Syarikat. Rakan pembimbing ataupun ‘*partner*’ terdiri daripada penutur natif Amerika yang secara sukarela mengambil bahagian dalam program ini bagi membantu pelajar-pelajar asing yang mempelajari bahasa Inggeris. Pelajar-pelajar asing ini terdiri daripada imigran yang tinggal di Iowa. Hasil kajian mendapati program tersebut telah membawa kebaikan kepada kedua-dua pihak iaitu pelajar bahasa dan juga pembimbing mereka dari segi sosial, linguistik dan budaya. Interaksi di antara pelajar dan pembimbing yang berasaskan kepada saling menghormati budaya yang berlainan dapat menghasilkan peluang meningkatkan prestasi diri, keyakinan diri serta menjalin hubungan persahabatan antara satu sama lain; komunikasi dan menghormati perbezaan telah menghasilkan perpaduan dalam kepelbagaian.

Daripada kajian-kajian lepas, didapati dalam mempelajari bahasa asing, amatlah penting bagi pelajar diberi peluang untuk berinteraksi dengan penutur natif, sama ada secara maya atau bersemuka. Melalui interaksi dengan penutur natif, pelajar bukan sahaja dapat mempelajari bahasa tersebut dengan sebutan dan penggunaan yang lebih semulajadi, tetapi juga pelajar dapat mempelajari budaya bagi bahasa tersebut. Hal ini kerana tanpa mengetahui budaya latar bahasa tersebut, agak mustahil untuk pelajar menguasai bahasa yang dipelajari dengan baik.

Permasalahan Kajian

Unit Bahasa Jepun sedar akan keperluan interaksi dan kontak rapat dengan penutur natif dalam P&P (pengajaran dan pembelajaran) bahasa Jepun di UiTM dan telah berusaha melaksanakan Program NP. Oleh hal yang demikian, Unit Bahasa Jepun meletakkan harapan besar terhadap program yang telah dilaksanakan selama dua tahun ini melalui bantuan dan tajaan *Japan Foundation Kuala Lumpur*. Namun, sejauh manakah perlunya penutur natif untuk P&P bahasa Jepun di UiTM? Adakah penglibatan pelajar penutur natif membantu mempertingkatkan motivasi mempelajari bahasa Jepun dalam kalangan pelajar? Paling utama, adakah penutur natif telah membantu pelajar mempelajari bahasa Jepun di UiTM?

Daripada pengamatan pengkaji selama 2 tahun program tersebut dijalankan, terdapat pandangan yang beza-beza daripada pelajar dan pensyarah mengenai keperluan penutur natif dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun. Banyak pendapat yang positif telah diberi oleh pelajar dan pensyarah mengenai pelaksanaan program tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat juga pandangan yang kurang positif terhadap Program NP ini. Sebagai contoh, ada pelajar yang menunjukkan kurang minat terhadap program ini. Melalui perbualan secara tidak formal pula, didapati terdapat pensyarah yang kurang bersetuju dengan pelaksanaan program tersebut kerana ia menambah masa mereka untuk menghabiskan sukatan pelajaran mengikut perancangan yang asal.

Objektif Kajian

Berikut adalah objektif kajian ini:

1. Mengetahui keperluan penglibatan penutur natif dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun di UiTM
2. Mengetahui sejauh manakah penglibatan penutur natif dapat membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran BJ di UiTM

Metodologi

Kertas penyelidikan berbentuk kajian kolerasi ini menggunakan instrumen borang soal selidik untuk mengumpul maklumat kajian. Kajian ini adalah untuk mendapatkan pandangan dan maklum balas daripada responden berhubung pelaksanaan Program *Nihongo Partner* dalam sistem pembelajaran dan pengajaran Bahasa Jepun di UiTM.

Soal selidik ini melibatkan 9 soalan mudah yang berkaitan dengan objektif kajian dan diedarkan kepada 106 orang responden. Responden terdiri daripada pelajar bahasa Jepun yang telah berinteraksi dengan penutur natif sama ada di dalam bilik kuliah atau di luar bilik kuliah. Soalan dalam borang soal selidik adalah berdasarkan objektif kajian untuk mengetahui keperluan penglibatan penutur natif dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun. Soal selidik ini juga meninjau sejauh mana penutur natif dapat membantu untuk meningkatkan motivasi pelajar bahasa Jepun, di samping mencari impak yang diterima sekiranya terdapat penglibatan penutur natif dalam P&P. Borang soal selidik ini berbentuk soalan terbuka (Soalan 1-9) dengan menggunakan skala Likert empat (4) peringkat iaitu 'sangat tidak setuju', 'tidak setuju', 'setuju' dan 'sangat

setuju'. Soalan 10 merupakan soalan terbuka dan responden diminta untuk memberi cadangan mengenai aktiviti luar bilik kuliah yang bersesuaian bagi Program NP.

Borang soal selidik telah diedarkan kepada responden sejeurus tamat program NP pada bulan April 2018 dengan menggunakan aplikasi *Google Form*. Data yang dikumpul kemudiannya dianalisis berdasarkan objektif kajian. Maklum balas daripada pelajar berkenaan keperluan Program NP juga diambil maklum. Akhirnya, keperluan penglibatan penutur natif dalam pengajaran dan pembelajaran dapat dikenal pasti.

Dapatan Kajian

Analisis telah dilakukan ke atas data borang soal selidik yang diperolehi daripada 106 orang pelajar yang terlibat dengan program bersama NP. Analisis kajian dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu Bahagian 1 merupakan dapatan kajian yang menjurus kepada keberkesanan program NP dalam P&P Bahasa Jepun dan Bahagian 2 adalah dapatan kajian yang menjurus kepada keperluan program NP dalam P&P Bahasa Jepun.


Bahagian 1: Keberkesanan program NP dalam P&P Bahasa Jepun

Jadual 1 menunjukkan maklum balas daripada pelajar terhadap lima daripada sembilan soalan yang dikemukakan, iaitu S-2, S-3, S-4, S-5 dan S-6. Graf 1 juga adalah berdasarkan data yang sama, bertujuan untuk memperlihatkan perbezaan peratusan maklum balas dengan lebih jelas.

Jadual 1: Peratus maklum balas daripada pelajar

Soalan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju
S-2			31.4%	68.6%
S-3			31.4%	68.6%
S-4		1.9%	33.3%	64.8%
S-5		1.9%	31.4%	66.7%
S-6		4.8%	51.4%	43.8%

Graf 1: Peratus maklum balas daripada pelajar



Soalan S-2 hingga S-6 merupakan menilai keberkesanan program NP terhadap pelajar. Soalan-soalan yang ditanya merangkumi ‘adakah program NP ini menambah minat pelajar terhadap bahasa Jepun’, ‘menambah kemahiran’, ‘memberi pendedahan terhadap bahasa dan budaya Jepun’ serta ‘menambah keyakinan dalam berkomunikasi ataupun tidak’.

Maklum balas bagi soalan S-2 iaitu “Adakah peluang bertutur dengan penutur natif akan menambah minat untuk mempelajari bahasa Jepun?”, menunjukkan pelajar bersetuju bahawa peluang berkomunikasi dengan penutur natif akan meningkatkan minat mereka untuk mempelajari bahasa sasaran (sangat bersetuju 68.6% dan bersetuju 31.4%). Dapatan ini selari dengan pandangan Rivers (2011) bahawa pelajar dapat menggunakan sesuatu bahasa apabila perhatian mereka tertumpu kepada menyampaikan dan menerima mesej autentik, iaitu mesej yang mengandungi maklumat yang berguna kepada kedua-dua penutur dan pendengar dalam sesuatu situasi yang penting kepada kedua-dua belah pihak. Minat terhadap bahasa Jepun juga meningkat apabila mempunyai peluang dan keperluan untuk bertutur dalam bahasa tersebut.

Soalan S-3 iaitu “Adakah peluang bertutur dengan penutur natif akan menambah kemahiran berkomunikasi dalam bahasa tersebut?”, menunjukkan maklum balas sebanyak 68.6% sangat bersetuju dan 31.4% bersetuju. Peratusan ini menunjukkan bahawa pelajar percaya peluang bertutur dengan penutur natif sedikit sebanyak dapat menambah kemahiran berkomunikasi dalam bahasa sasaran. Penutur natif pada hakikatnya lebih memahami unsur-unsur paralinguistik bahasa tuturannya. Mereka bukan hanya melengkapkan sesuatu komunikasi, malah pada masa yang sama memberi perhatian kepada hubungan interpersonal yang bergantung kepada konteks sosiobudaya yang berbeza (Kasper, G. 1997). Penutur natif turut mempunyai keceka-

pan yang lebih strategik dalam situasi komunikasi lisan yang berbeza. Malahan, turut lebih berkemahiran dalam komunikasi bukan lisan dalam menangani pertukaran perbualan (Canale, M., & Swain, M. (1980)). Sementara itu, Rajagopal (1976) dalam kajiannya mendakwa pendedahan yang lebih kepada bahasa yang dipelajari (bahasa sasaran) adalah amat penting dalam pembelajaran bahasa. Beliau mendapati bahawa pelajar ESL yang menggunakan perantaraan bahasa Melayu (*Malay-medium*) dan kurang pendedahan kepada bahasa Inggeris telah menunjukkan prestasi yang teruk. Kenyataan ini turut disokong oleh Auerbach (1993) yang mendapati bahawa pelajar akan belajar dengan lebih cepat jika mereka lebih terdedah kepada bahasa sasaran; kerana mereka sentiasa mendengar dan menggunakan bahasa tersebut serta mendalami dan mula berfikir di dalam bahasa sasaran.

Bagi S-4 iaitu “Program *Nihongo Partner* telah memberi peluang dan pendedahan kepada saya berkomunikasi dengan penutur natif bahasa Jepun.”, didapati 64.8% sangat bersetuju dan 33.3% bersetuju bahawa program ini telah memberi peluang kepada mereka untuk berkomunikasi secara terus dengan penutur natif. Sudah pasti apabila mempelajari sesuatu bahasa itu, kita ingin menggunakannya. Sebagai pelajar bahasa Jepun, mereka hanya boleh bertutur menggunakan bahasa Jepun dengan orang Jepun atau mereka yang boleh berbahasa Jepun sahaja. Bagi pelajar di dalam negara, peluang untuk berjumpa dengan orang Jepun sememangnya sukar. Sebagai seorang pelajar, tidak semua berkemampuan untuk pergi ke Jepun yang memerlukan perbelanjaan yang tinggi. Tambahan pula, masa yang panjang diperlukan untuk proses belajar bahasa Jepun, melangkaui tempoh pendek yang selalu diambil oleh seseorang untuk percutian semata-mata. Justeru, program ini merupakan peluang yang baik yang membolehkan pelajar berkomunikasi secara langsung dengan penutur natif.

Soalan S-5 iaitu “Program *Nihongo Partner* juga telah memberi peluang kepada saya untuk lebih memahami budaya Jepun.”, didapati maklum balas yang diperoleh daripada responden mencatatkan sebanyak 66.7% sangat bersetuju dan 31.4% bersetuju. Maklum balas ini menunjukkan pelajar merasakan bahawa melalui interaksi dengan NP, mereka dapat lebih memahami budaya Jepun kerana dapat memerhati dan bertanya secara langsung. Penutur natif atau *nativeship* membolehkan mereka dianggap “model” bahasa dan budaya mereka. Ini menambah pemahaman pelajar terhadap budaya Jepun dan tidak hanya bergantung kepada apa yang diajar oleh pensyarah di dalam kelas sahaja. Tambahan pula, walaupun pensyarah mempunyai latihan pedagogi yang baik, tetapi sebagai penutur bukan natif, pensyarah mungkin tidak mempunyai pemahaman yang mendalam sebagaimana penutur natif. Menurut Liaw (2004), “...*non-native speaking language teachers with different cultural background may not comprehend the connotation and culture behind the linguistics*”

tic usage.” (m.s. 32). Dalam hal ini, ternyata NP berperanan sebagai pelengkap kepada usaha-usaha pengajaran dan pembelajaran oleh pensyarah bukan penutur natif.

Bagi S-6 iaitu “Saya merasa lebih yakin untuk bertutur dalam bahasa Jepun selepas berpeluang bertutur dengan penutur natif.”, maklum balas yang diperoleh adalah sebanyak 43.8% sangat bersetuju dan 51.4% bersetuju. Ini sekali lagi menunjukkan dengan jelas bahawa program NP menjadikan pelajar lebih berkeyakinan untuk berkomunikasi dalam bahasa Jepun setelah berpeluang bertutur dengan penutur natif. Hal ini berkemungkinan disebabkan pelajar merasa lebih selesa bertutur dalam bahasa Jepun dengan NP memandangkan umur mereka agak sebaya. Banyak perkara yang boleh mereka kongsi seperti minat terhadap hiburan, hal-hal semasa dan sebagainya. Pelajar mungkin merasa kekok untuk bercakap mengenai hal-hal sedemikian bersama pensyarah, selain waktu pembelajaran di dalam kelas yang terhad. Selain daripada membantu meningkatkan kemahiran berbahasa, pendedahan kepada penutur natif ini secara tidak langsung turut dapat meningkatkan minat dan keyakinan diri pelajar untuk berkomunikasi dalam bahasa sasaran.


Bahagian 2: Keperluan Program NP dalam P&P Bahasa Jepun

Jadual 2 di bawah menunjukkan peratusan jawapan yang diberikan oleh para pelajar untuk soalan-soalan S-1, S-7, S-8 dan S-9.

Jadual 2: Peratus maklum balas daripada pelajar

Soalan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat setuju
S-1			33.3%	65.7%
S-7	19%	47.6%	19%	14.3%
S-8			40%	60%
S-9		0.9%	28.6%	70.5%

Graf 2: Peratus maklum balas daripada pelajar



Peratusan maklum balas kepada soalan S-1 iaitu “Adakah pendedahan kepada penutur natif penting dalam pembelajaran dan pembelajaran Bahasa?” menunjukkan bahawa kesemua pelajar (65.7% memilih ‘sangat bersetuju’ dan 33.3% memilih ‘bersetuju’) bersetuju bahawa pendedahan kepada penutur natif dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa merupakan perkara yang amat penting. Apabila berhadapan dengan penutur natif, pelajar akan lebih cenderung menggunakan bahasa yang dipelajari semasa berkomunikasi dan berusaha bersungguh-sungguh menggunakan bahasa tersebut, supaya mesej dapat disampaikan tanpa memikirkan kesilapan.

Bagi menjawab persoalan S-7 iaitu “Peluang sekali yang diberi untuk berkomunikasi dengan NP sudah memadai”, kebanyakan pelajar menyatakan bahawa peluang hanya sekali semasa pengajian yang diberikan untuk berinteraksi dan berkomunikasi dengan NP tidak mencukupi (19% sangat tidak bersetuju dan 47.6% tidak bersetuju). Ini bermakna pelajar memerlukan masa yang lebih panjang dan peluang yang lebih banyak diberikan kepada mereka. Sehubungan dengan itu, semua pelajar bersetuju sekiranya diberi peluang untuk berjumpa dengan NP di luar waktu kuliah, sebagaimana jawapan kepada soalan S-8 iaitu ‘pelajar patut diberi peluang untuk berjumpa dengan NP di luar bilik kuliah’ (60% sangat bersetuju dan 40% bersetuju).

Bagi soalan S-9 iaitu “Program NP perlu diteruskan sebagai salah satu aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun.”, didapati bahawa lebih separuh daripada pelajar berpendapat bahawa program NP perlu diteruskan sebagai salah satu aktiviti utama dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun di UiTM.

Pelajar juga telah mencadangkan pelbagai aktiviti yang boleh dilakukan bersama NP bagi memperkukuhkan lagi program ini. Cadangan-cadangan tersebut diberikan sebagai maklum balas kepada soalan S-10 iaitu “Selain daripada aktiviti di dalam kelas, sila cadangkan aktiviti yang bersesuaian”. Antara aktiviti yang dicadangkan ialah melancong ke tempat-tempat menarik di Malaysia dan mengajak NP menghadiri majlis sosial seperti majlis perkahwinan yang mana aktiviti pertukaran budaya boleh dilakukan.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian yang dijalankan ini adalah untuk melihat adakah penglibatan penutur natif dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun diperlukan dan sejauh manakah program ini membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hasil kajian mendapati bahawa pelajar bersetuju dengan penglibatan penutur natif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini terbukti apabila lebih 90% pelajar bersetuju supaya program ini diteruskan pada masa akan datang. Pelajar berpendapat bahawa penglibatan penutur natif akan dapat meningkatkan keupayaan mereka untuk bertutur dalam bahasa Jepun. Dengan adanya penglibatan penutur natif, minat dan motivasi mereka untuk mempelajari bahasa Jepun akan meningkat. Selain itu, dengan adanya peluang berinteraksi dengan penutur natif Jepun, pelajar akan lebih memahami budaya Jepun kerana berpeluang memerhati dan bertanya sendiri kepada penutur natif tersebut.

Rujukan

- Auerbach, E.R. (1993). Reexamining English only in the ESL Classroom. *TESOL Quarterly* 27(1): 18. Doi: 10.2307/3586949
- Balaetham, K. (1982), Bahasa Inggeris di sekolah aliran Melayu: sebabsebab kelemahan.' In Ibrahim Saad (ed.). *Isu pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Brady A. C. & Hongyu H. (2011). Effective Native and Non-Native Teacher Rotation to Benefit Foreign Language Learning. Retrieved from https://www.usma.edu/cfe/Literature/Huang_11.pdf
- Cambridge international dictionary of English. (1995). Cambridge: Cambridge University Press.
- Canale, M., & Swain, M. (1980). Theoretical Bases of Communicative Approaches to Second Language Teaching and Testing. *Applied Linguistics*, 1, 1-47.
<http://dx.doi.org/10.1093/applin/1.1.1>
- Chun, D. (1994). Using computer networking to facilitate the acquisition of interactive competence. *System*, 22(1), 17-31.
- Davies, A. (1991). *The native speaker in applied linguistics*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Hovinga, C.M. (1988). *Cultural partners: an exchange of language and culture between adults*. MA Thesis. Iowa State University.
- Kasper, G. (1997) *Can pragmatic competence be taught?* University of Hawaii, Second Language Teaching & Curriculum Center.
- Koester & Lustig (2010). *Intercultural Competence: Interpersonal Communication Across Cultures*. Allyn & Bacon.
- Liaw, E.C. (2004). “How Are They Different?” A Comparative Study of Native and Nonnative Foreign Language Teaching Assistants Regarding Selected Characteristics: Teacher Efficacy, Approach to Language Teaching/Learning, Teaching Strategies and Perception Of Nativeship. Unpublished doc-

toral dissertation, The Ohio State University.

- Litlewood, W.T. (1998). *Foreign and Second Language Learning*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Nishimura, F., & Umeda, K. (2016). Benefits and issues: Visitor sessions with pre-intermediate learners of Japanese. In M. Ogino, P. Shino, & D. Nesbitt (Eds.), *Creating New Synergies: Approaches of Tertiary Japanese Programmes in New Zealand* (pp. 142–186). Massey University Press.
- Oxford Advanced Learner's Dictionary. (2015). Oxford University Press.
- Omar Mohd Hashim. (1982), 'Pelajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris dalam konteks peralihan bahasa pengantar di sekolah rendah.' In Ibrahim Saad. ed. *Isu pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Rajagopal, Subramaniam. (1976), A study of the role of attitudes and motivation in the acquisition of English as a second language by 5th form Malay-medium pupils in Selangor. Unpublished MEd dissertation, University of Malaya.
- Richards, J.C. 1985. *The Context of Language Teaching*. New York: Cambridge University Press.
- Rivers, W. Ed. (1987). "Interaction as the Key to Teaching Language for Communication." *Interactive Language Teaching*. New York, NY: Cambridge University Press.
- Shiva Azadipour, (2013). *Cultural Motivation and Its Impact on Foreign Language Learning in Globalizing World*. International Journal of Foreign Language Teaching and research Volume 2, Issue 4
- Tudini, V. (2003). Using Native Speakers in Chat. *Language Learning & Technology*, 7(3), 141–159. <http://dx.doi.org/10125/25218>

Lampiran

Soalan soal selidik untuk pelajar:

1. Adakah pendedahan kepada penutur natif penting dalam pembelajaran dan pembelajaran bahasa.
2. Adakah peluang bertutur dengan penutur natif akan menambah minat untuk mempelajari bahasa itu.
3. Adakah peluang bertutur dengan penutur natif akan menambah kemahiran berkomunikasi dalam bahasa tersebut.
4. Program Nihongo Partner telah memberi peluang dan pendedahan kepada saya berkomunikasi dengan penutur natif bahasa Jepun.
5. Program Nihongo Partner juga telah memberi peluang kepada saya untuk lebih memahami budaya Jepun.
6. Saya merasa lebih yakin untuk bertutur dalam Bahasa Jepun selepas berpeluang bertutur dengan penutur natif.
7. Peluang sekali yang diberi untuk berkomunikasi dengan NP sudah memadai.
8. Pelajar patut diberi peluang untuk berjumpa dengan NP di luar bilik kuliah.
9. Program NP perlu diteruskan sebagai salah satu aktiviti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Jepun.
10. Selain daripada aktiviti di dalam kelas, sila cadangkan aktiviti yang bersesuaian. _____